




BUKU PANDUAN MENGENAI PERAKUAN SENDIRI SELURUH ASEAN



The ASEAN Secretariat
Jakarta

The Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) was established on 8 August 1967. The Member States are Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand and Viet Nam.
The ASEAN Secretariat is based in Jakarta, Indonesia.

For inquiries, contact:
The ASEAN Secretariat
Community Relations Division (CRD)
70A Jalan Sisingamangaraja
Jakarta 12110, Indonesia
Phone: (62 21) 724-3372, 726-2991
Fax: (62 21) 739-8234, 724-3504
E-mail: public@asean.org

Catalogue-in-Publication Data

ASEAN Wide Self-Certification (AWSC) Guidebook in Malay Language
Jakarta, ASEAN Secretariat, October 2021



382.959

1. ASEAN – ATIGA – ROO
2. Trade – Rules of Origin – Export

ISBN 978-623-6945-63-6

ISBN 978-623-6945-63-6



ASEAN: A Community of Opportunities for All

Photos Credits:

Freepik: Covers (front and back), Pages 5, 29
Pixabay: Pages 20, 31

This translated version is published by the ASEAN Secretariat with support from USAID. The original English version of this publication is under the copyrights of the Association of Southeast Asian Nations, ASEAN Secretariat, Jakarta.

The text of this publication may be freely quoted or reprinted, provided proper acknowledgement is given and a copy containing the reprinted material is sent to the Community Relations Division (CRD) of the ASEAN Secretariat, Jakarta.

General information on ASEAN appears online at the ASEAN Website: www.asean.org

Copyright Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) 2021.
All rights reserved.

KANDUNGAN

SENARAI SINGKATAN	4
SEKSYEN I: GAMBARAN KESELURUHAN SKIM PERAKUAN SENDIRI SELURUH ASEAN (AWSC)	5
1. PENGENALAN	5
2. SKIM PERAKUAN SENDIRI SELURUH ASEAN (AWSC)	7
2.1. Sejarah penubuhan Skim AWSC	7
2.2. Skim Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN (AWSC)	9
2.3. Faedah AWSC	9
2.4. Syarat untuk menjadi Pengeksport yang Diperakui (CE) di bawah AWSC	11
2.5. Hak dan tanggungjawab Pengeksport yang Diperakui	13
3. PELAKSANAAN AWSC	16
3.1. Pengoperasian AWSC	16
3.2. Proses verifikasi	17
3.3. Perbezaan antara AWSC, e-Borang D ATIGA dan Borang D	19
SEKSYEN II: SOALAN-SOALAN LAZIM.....	20
SEKSYEN III: PIHAK BERKUASA KOMPETEN.....	29
SEKSYEN IV: LAMPIRAN.....	31
Lampiran 1 : Prosedur Operasi Pensijilan baharu yang telah dikuatkuasakan pada 20 September 2020 (Lampiran 8 ATIGA)	32
Lampiran 2 : Format Contoh Pengisytiharan Tempasal dan Pengisytiharan Tempasal <i>Back-to-Back</i>	69

SENARAI SINGKATAN

AEC	Komuniti Ekonomi ASEAN
AMS	Negara Anggota ASEAN
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
ASEC	Sekretariat ASEAN
ATIGA	Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN
AWSC	Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN
CE	Pengeksport yang Diperakui
CO	Sijil Tempasal
MFN	Negara Paling Diutamakan
OCP	Prosedur Operasi Pensijilan
OD	Pengisytiharan Tempasal
ROO	Peraturan Tempasal
SAP	Pelan Tindakan Strategik
SCPP	Projek Rintis Perakuan Sendiri

SEKSYEN I

GAMBARAN KESELURUHAN SKIM PERAKUAN SENDIRI SELURUH ASEAN (AWSC)



1. PENGENALAN

Penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada tahun 2015 merupakan pencapaian besar dalam agenda penyepaduan ekonomi serantau di ASEAN, yang menawarkan peluang dalam bentuk pasaran besar bernilai US\$ 2.6 trilion dan lebih dari 622 juta orang.

Rangka Tindakan AEC 2025, yang diterima pakai oleh Para Pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 pada 22 November 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia, memberikan petunjuk yang luas melalui langkah-langkah strategik untuk AEC dari tahun 2016 hingga 2025. Rangka Tindakan AEC 2025 disasarkan ke arah mencapai visi bagi memperolehi AEC menjelang 2025 yang sangat bersepadu dan kuat;

berdaya saing, inovatif dan dinamik; dengan peningkatan hubungan dan kerjasama antara sektor; dan komuniti yang lebih berdaya tahan, terangkum dan berorientasikan manusia, komuniti berpusatkan manusia, berintegrasi dengan ekonomi global.

Rangka Tindakan AEC 2025 menetapkan langkah-langkah strategik di bawah setiap lima ciri AEC 2025. Untuk mengendalikan pelaksanaan Rangka Tindakan tersebut, langkah-langkah strategik ini telah dijelaskan dan dilaksanakan melalui rencana kerja berbagai badan antara sektor di ASEAN.

Pelaksanaan langkah-langkah Rangka Tindakan AEC 2015 yang berkaitan dengan penghapusan tarif sesuai dengan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) dan langkah-langkah memudahkan perdagangan telah menyumbang kepada aliran barangan yang lebih bebas. Pada AEC 2025, ASEAN akan terus mengurangkan atau menghapuskan sempadan dan halangan pengawalseliaan di sebalik sempadan yang menghalang perdagangan, sehingga dapat mencapai pergerakan barangan yang kompetitif, cekap dan lancar di rantau ini.

Untuk merealisasikan visi AEC 2025, Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2016-2025 bagi perdagangan barangan terus mengukuhkan pasaran tunggal dan asas pengeluaran di mana aliran barangan bebas mesti kekal sebagai matlamat asas. ASEAN akan menyasarkan untuk mencapai rejim perdagangan yang lebih berintegrasi, menghapuskan halangan yang berbaki untuk perdagangan serantau dan mempromosikan sistem berdasarkan peraturan untuk membolehkan perniagaan mendapat keuntungan paling banyak dari ATIGA.

Skim AWSC berada di bawah langkah strategik “Memudah dan memperkukuhkan pelaksanaan peraturan tempasal”, Garis Tindakan Khusus 3.2.3 (Merealisasikan Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN).

2. SKIM PERAKUAN SENDIRI SELURUH ASEAN (ASEAN WIDE SELF CERTIFICATION-AWSC)

2.1. SEJARAH PENUBUHAN SKIM AWSC

Inisiatif perakuan sendiri tempasal pertama kali diperkenalkan di Mesyuarat Majlis AFTA ke-23 pada tahun 2009 dengan sokongan “Rancangan Kerja Menuju Pengoperasian Perakuan Sendiri”. Seperti pada namanya, pengeksport, pedagang dan pengilang yang menunjukkan pengetahuan dan kemampuan mereka untuk mematuhi peraturan tempasal akan diberi kebenaran kuasa untuk memperakukan sendiri tempasal barangan sebagai ganti untuk memohon Sijil Tempasal (CO) secara konvensional yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengeluar. Oleh kerana mekanisme tersebut tidak pernah dilaksanakan di ASEAN dan bagi memastikan tahap penyelesaian tertentu, terutama dalam aspek pengurusan risiko dan keyakinan dalam melaksanakan perakuan sendiri, Negara-negara Anggota ASEAN (AMS) telah bersetuju untuk melaksanakan dua Projek Perintis Perakuan Sendiri (SCPP).

SCPP yang pertama telah ditandatangani pada 30 Ogos 2010 oleh Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura untuk pelaksanaannya pada 1 November 2011. Tiga AMS yang lain kemudiannya menyertai projek perintis, iaitu Thailand (28 Oktober 2011), Kemboja (7 Julai 2015) dan Myanmar (1 Jun 2016). Menjelang

September 2020, 505 buah syarikat telah didaftarkan sebagai Pengeksport yang Diperakui (CE) di bawah skim ini. Dalam projek perintis ini, kedua-dua pengilang dan pedagang boleh membuat pengisytiharan invois pada sebarang dokumen komersial. Projek ini juga membenarkan aturan *Third Country Invoicing*.

Berikutan kejayaan SCPP yang pertama, SCPP kedua telah ditandatangani oleh Indonesia, Lao PDR dan Filipina pada 29 Ogos 2012 dan dilaksanakan pada 1 Januari 2014, diikuti dengan penyertaan Vietnam dan Thailand pada 19 Disember 2014 dan 1 Mei 2015. Menjelang September 2020, 154 CE telah menyertai projek rintis ini. Berbeza daripada SCPP pertama, projek rintis kedua hanya membenarkan pengeluar membuat pengisytiharan invois dengan lebih maklumat yang diperlukan, sementara aturan *Third Country Invoicing* tidak dibenarkan.

Oleh kerana SCPP hanya terpakai untuk peserta AMS tertentu dengan Prosedur Operasi Pensijilan (OCP) yang berlainan, terdapat keperluan untuk menubuhkan satu sistem yang diterimapakai di seluruh rantau ASEAN. Untuk tujuan ini, 10 AMS telah menandatangani Protokol Pertama untuk meminda ATIGA pada 22 Januari 2019. ATIGA OCP kemudiannya dipinda pada bulan September 2019, dengan menggabungkan peruntukan di bawah kedua-dua SCPP. Protokol Pertama disahkan oleh semua 10 AMS dan mula berkuatkuasa pada 20 September 2020. Dengan pelaksanaan AWSC, kedua-dua SCPP kemudiannya ditamatkan. CE kini boleh membuat Deklarasi Tempasal (OD) ke semua AMS.

2.2. SKIM PERAKUAN SENDIRI SELURUH ASEAN (AWSC)

AWSC adalah inisiatif fasilitasi perdagangan yang membolehkan CE di semua AMS memperakukan sendiri Tempasal eksport mereka untuk memanfaatkan layanan tarif berkeutamaan di bawah ATIGA. Selain daripada memohon CO Borang D daripada pihak berkuasa pengeluar, CE boleh membuat OD pada invoice komersial atau dokumen komersial lain seperti penyata bil, pesanan penghantaran atau senarai pembungkusan.¹

2.3. FAEDAH AWSC

Lebih banyak faedah AWSC dapat diberikan kepada sektor swasta dan awam. Dari segi penggunaan komitmen ATIGA, AWSC dapat memberi galakan kepada pedagang yang enggan memohon CO berasaskan kertas bagi produk yang mempunyai tarif MFN yang rendah, yang mungkin mengakibatkan margin keuntungan yang rendah kerana faedah yang dibawa oleh layanan tarif berkeutamaan tidak dapat menanggung kos pentadbiran permohonan. Skim ini juga nyata sekali mempermudah perakuan Tempasal di bawah ATIGA yang dilihat dapat memudahkan dan mempromosikan perdagangan di seluruh rantau.

Bagi pengeksport, AWSC mengurangkan beban kerja, beban pentadbiran dan kos menjalankan perniagaan mereka. CE tidak perlu lagi menyiapkan dan menyerahkan dokumen sokongan untuk memohon CO bagi barangan yang didaftarkan. Selain itu, mereka tidak lagi perlu pergi ke pejabat pihak berkuasa pengeluar untuk menyerahkan, membuat susulan dan menerima Borang D mereka, yang

¹ Untuk keterangan lebih lanjut, sila rujuk Peraturan 12B (2) Prosedur Perakuan Operasi ATIGA (OCP).

mungkin membebankan terutama bagi mereka yang berada di tempat yang jauh dari pejabat pihak berkuasa. Selain daripada penurunan yang signifikan dalam kos permohonan, AWSC juga mengurangkan masa untuk memproses pengiriman, yang mungkin berkaitan dengan penyimpanan, demuraj dan fi penahanan. Secara keseluruhan, CE digalakkan untuk berdagang dengan lebih cekap, memperoleh lebih banyak keuntungan dan menjana lebih banyak pekerjaan.

Rajah 1. Ringkasan Faedah AWSC



AWSC juga mengurangkan beban pentadbiran kepada Pihak Berkuasa Pengeluar kerana pengeksport yang diberi status CE dapat mengesahkan tempasal barangan mereka sendiri.

2.4. SYARAT UNTUK MENJADI PENGEKSPORT YANG DIPERAKUI (CE) DI BAWAH AWSC

Seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 1 ATIGA OCP, CE bermaksud pengeksport yang diberi kebenaran kuasa untuk membuat OD mengenai Tempasal barangan yang dieksport.

Seperti yang dikehendaki oleh Peraturan 12A (1), pengeksport harus membuat permohonan secara bertulis atau elektronik dan menawarkan persetujuan kepada Pihak Berkuasa yang kompeten semua jaminan yang diperlukan untuk mengesahkan status Tempasal barangan yang dikeluarkan untuk Pengisytiharan Tempasal. Pihak Berkuasa yang Kompeten boleh memberikan status CE tertakluk kepada sebarang syarat lain yang dianggap sesuai, termasuk dalam hal-hal berikut:

- (a) Pengeksport didaftarkan sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport;
- (b) Pengeksport harus berjanji untuk memastikan bahawa penandatanganan yang diberi kebenaran kuasa dan tanggungjawab untuk membuat OD, dalam perjanjian tersebut, mengetahui dan memahami Peraturan Tempasal sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian;
- (c) Pengeksport harus memiliki pengalaman yang memuaskan dalam eksport sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport;

- (d) Pengeksport tidak memiliki rekod penyalahgunaan atau pemalsuan dokumen atau rekod penipuan Peraturan Tempasal, sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport;
- (e) Pengeksport mesti mempunyai pematuhan yang baik yang diukur dengan pengurusan risiko Pihak Berkuasa Kompeten AMS pengeksport;
- (f) Pengeksport yang merupakan pedagang, harus mempunyai “Pengisytiharan Pengilang” yang menunjukkan tempasal produk yang diperakui sendiri dan kesediaan pengilang untuk bekerjasama dalam pemeriksaan retroaktif dan lawatan pengesahan sekiranya diperlukan;
- (g) Pengeksport harus memiliki sistem fail dan penyimpanan rekod yang baik, sesuai dengan undang-undang dan peraturan dari Negara Anggota pengeksport.

Rajah 2. Ringkasan Syarat-syarat Pelantikan Status CE

- A**
 - Berdaftar di Negara Anggota pengeksport;
- B**
 - Mengetahui dan memahami Peraturan Tempasal di bawah ATIGA;
- C**
 - Pengeksport yang berpengalaman;
- D**
 - Tiada rekod penipuan Peraturan Tempasal;

E

- Pematuhan yang baik diukur dengan peraturan pengurusan risiko;

F

- Seorang pedagang mesti mempunyai “pengisytiharan daripada pengeluar/pengilang” dan bersedia untuk pemeriksaan dan pengesahan retroaktif; dan

G

- Mempunyai sistem fail dan penyimpanan rekod yang baik.

Selain daripada syarat-syarat yang disebutkan di atas, keperluan khusus lain boleh ditetapkan oleh setiap AMS.

Setelah permohonan berjaya, Pihak Berkuasa yang Kompeten akan memberikan kebenaran bertulis kepada CE, termasuk kod kebenaran yang merupakan syarat untuk mengeluarkan OD. Negara-negara Anggota harus segera memuatnaik maklumat tentang kebenaran kuasa yang diberikan dalam pangkalan data Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN, selaras dengan Peraturan 2 (4).

2.5. HAK DAN TANGGUNGJAWAB PENGEKSPORT YANG DIPERAKUI

CE boleh membuat OD dan setelah OD tersebut diterima oleh pihak berkuasa Kastam AMS pengimport, barangan tempasal yang disokong oleh OD tersebut layak mendapat layanan tarif berkeutamaan ATIGA.

Seperti yang dikehendaki oleh Peraturan 12 A (4), CE harus memiliki kewajipan berikut:

- (a) memberi kebenaran kepada Pihak Berkuasa Kompeten untuk mengakses rekod dan premis bagi tujuan pemantauan penggunaan kebenaran dan verifikasi kesahihan pengisytiharan yang dibuat. Semua rekod dan akaun mestilah boleh mengesahkan status tempasal barangan yang telah dibuat Pengisytiharan Tempasal, selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun bermula dari tarikh pengisytiharan dibuat selaras dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport;²
- (b) membuat Pengisytiharan Tempasal hanya untuk barangan yang CE telah diberi kebenaran untuk membuat Pengisytiharan Tempasal dan yang mana CE mempunyai semua dokumen untuk membuktikan status tempasal barangan yang berkaitan semasa membuat pengisytiharan tersebut;
- (c) terus mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Perenggan 2 Peraturan 12 A (Pengeksport yang Diperakui) OCP;
- (d) bekerjasama dalam pemeriksaan retroaktif dan lawatan verifikasi;
- (e) menerima tanggungjawab penuh untuk semua OD yang dibuat, termasuk penyalahgunaan; dan
- (f) segera memaklumkan Pihak Berkuasa Kompeten tentang perubahan yang berkaitan dengan maklumat yang dikemukakan di bawah Peraturan 2 (4) Lampiran ini.

Setiap AMS mungkin menetapkan keperluan tambahan yang perlu dipatuhi oleh CE.

² Untuk maklumat lebih lanjut mengenai keperluan penyimpanan rekod, sila rujuk Peraturan 17 ATIGA OCP.

Rajah 3. Ringkasan Kewajipan CE

- A** • Memberi kebenaran kepada Pihak Berkuasa Kompeten untuk mengakses rekod (sehingga 3 tahun) dan premis untuk tujuan pemantauan penggunaan kebenaran dan pengesahan kebenaran pernyataan yang dibuat;
- B** • Membuat OD hanya untuk barangan yang CE telah diberi kebenaran kuasa untuk membuat Pengisytiharan Tempasal;
- C** • Terus mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Perenggan 2 Peraturan 12 A (Pengeksport yang Diperakui) OCP;
- D** • Bekerjasama dalam pemeriksaan retroaktif dan lawatan pengesahan;
- E** • Menerima tanggungjawab penuh untuk semua OD yang dibuat, termasuk penyalahgunaan;
- F** • Segera memaklumkan Pihak Berkuasa Kompeten tentang perubahan yang berkaitan dengan maklumat yang dikemukakan.

3 PELAKSANAAN AWSC

3.1. PELAKSANAAN AWSC

Pelaksanaan AWSC diringkaskan seperti yang berikut:

Langkah 1: Pengeksport diminta untuk mengajukan status CE sesuai dengan undang-undang dan peraturan AMS. Setelah permohonan diterima, pengeksport akan diberi kebenaran kuasa sebagai CE.

Langkah 2: AMS kemudian akan memuat naik maklumat CE ke pangkalan data AWSC CE.³

Langkah 3: CE membuat OD untuk barangannya dengan syarat barangan tersebut memenuhi kriteria ROO di bawah ATIGA.⁴

Langkah 4: CE menghantar OD kepada pengimport.

Langkah 5: Pengimport mengemukakan OD kepada pihak berkuasa kastam AMS pengimport untuk memanfaatkan layanan tarif berkeutamaan ATIGA.

Langkah 6: Pihak berkuasa kastam bagi AMS pengimport mengesahkan keaslian OD yang dikemukakan oleh pengimport, melalui Pangkalan Data CE, dan kesahihan pengisytiharan yang dibuat oleh pengeksport.


Langkah 7: Pihak berkuasa kastam memberikan layanan tarif berkeutamaan ATIGA kepada barangan yang disokong oleh OD jika OD tersebut berpadanan dengan maklumat dalam pangkalan data AWSC CE dan tiada keraguan lain yang dibangkitkan dengan pengisytiharan tersebut.

³ Pangkalan Data CE adalah bertujuan untuk penggunaan pihak berwajib dan berkuasa untuk mengesahkan CE dan tidak terbuka untuk umum.

⁴ Untuk maklumat yang lebih khusus tentang cara membuat OD, sila rujuk Peraturan 12B ATIGA OCP.

Gambar rajah di bawah menunjukkan pelaksanaan AWSC:

Rajah 4. Ringkasan Pelaksanaan AWSC



3.2. PROSES PENGESAHAN

AMS pengimport boleh meminta Pihak Berkuasa Kompeten AMS pengeksport untuk melakukan pemeriksaan retroaktif secara rawak dan/atau apabila mempunyai keraguan yang munasabah mengenai keaslian dokumen atau ketepatan maklumat mengenai status tempasal barangan yang dimaksudkan atau bahagian tertentu daripadanya.

Setelah diminta, Pihak Berkuasa Kompeten AMS pengeksport akan melakukan pemeriksaan retroaktif pada penyata kos pengeluar/pengeksport, dalam masa enam (6) bulan dari tarikh eksport.

Sementara menunggu hasil pengesahan, pihak berkuasa dari AMS pengimport boleh menangguhkan pemberian layanan berkeutamaan. Walau bagaimanapun, melainkan barangan tersebut ditahan kerana terdapat larangan/sekatan import atau disyaki terdapat penipuan, barangan tersebut boleh dilepaskan kepada pengimport tertakluk kepada undang-undang dan peraturan domestik serta tindakan pengurusan yang dianggap perlu.

Dalam kes-kes tertentu, jika AMS pengimport tidak berpuas hati dengan hasil pemeriksaan retroaktif, mereka boleh meminta lawatan pengesahan ke AMS pengeksport.

Sebelum melakukan lawatan pengesahan, AMS pengimport harus menghantar pemberitahuan bertulis tentang niatnya kepada pengeksport/pengeluar, pengimport dan pihak berkuasa yang relevan di tempat lawatan tersebut akan dilakukan. Lawatan pengesahan hanya dilakukan setelah AMS pengimport mendapat persetujuan bertulis daripada pengeksport/pengeluar bahawa premisnya akan dilawat. Kegagalan untuk menjawab pemberitahuan daripada AMS pengimport boleh mengakibatkan penangguhan layanan tarif berkeutamaan.

Selepas lawatan pengesahan, AMS pengimport mesti memberikan pengesahan secara bertulis kepada semua pihak yang berkaitan sama ada barangan tersebut memenuhi syarat sebagai barangan tempasal. Sementara menunggu hasil lawatan pengesahan, penangguhan layanan berkeutamaan mungkin dikenakan.

Maklumat lebih lanjut mengenai proses pengesahan AWSC boleh dirujuk di dalam Peraturan 18 dan 19 ATIGA OCP.

3.3. PERBEZAAN ANTARA AWSC, E-BORANG D ATIGA DAN BORANG D

Kedua-dua e-Borang D dan Borang D ATIGA masih boleh digunakan sebaik sahaja AWSC dilaksanakan. Jenis bukti tempasal ini kebanyakannya akan digunakan oleh pengeksport yang tidak dapat memperoleh status CE dan mungkin juga digunakan oleh CE jika diperlukan.⁵

Perbezaan utama antara OD di bawah AWSC, e-Borang D ATIGA dan Borang D diringkaskan seperti berikut:

Perbezaan Utama	AWSC	E-Borang D / Borang D
Siapakah yang mengeluarkan Bukti Tempasal?	Pengeksport yang Diperakui	Pihak Berkuasa Pengeluar
Masa yang Diperlukan untuk Mengeluarkan Bukti Tempasal	Sangat cepat	Lebih lama
Pengetahuan mengenai Peraturan Tempasal (ROO) oleh CE/ Pengeksport	Pengetahuan ROO yang luas diperlukan	Sedikit pengetahuan ROO yang diperlukan
Kewajipan atau Pematuhan oleh CE/ Pengeksport	Mematuhi syarat seperti yang digariskan dalam Peraturan ATIGA OCP 12A (4)	Menghantar dokumen sokongan yang sesuai untuk membuktikan tempasal produk sesuai dengan Peraturan ATIGA OCP 5 dan sesuai dengan undang-undang dan peraturan domestik Negara Anggota mengeksport
Kos Langsung untuk Mengeluarkan Bukti Tempasal	Tiada kos secara langsung	Sedikit kos pengurusan

⁵ Untuk maklumat yang lebih khusus tentang Borang D CO dan e-Borang D, sila rujuk Peraturan 26-31 ATIGA OCP.

SEKSYEN II

SOALAN LAZIM



PENGEKSSPORT YANG DIPERAKUI

1. Mengapakah risiko penyalahgunaan OD hanya tertumpu kepada CE yang status CE tersebut boleh ditarik balik?

AWSC adalah skim perakuan sendiri untuk pengeksport yang diberi kebenaran kuasa. Oleh itu, Peraturan 12D (Penarikan Pemberian Kebenaran Kuasa) hanya terpakai untuk CE.

2. Apakah yang akan terjadi kepada pengimport jika dia didapati bersalah menyalahgunakan OD yang disediakan oleh CE?

Denda yang dikenakan terhadap penyalahgunaan pengimport pada OD akan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan domestik setiap AMS. Sila hubungi pihak berkuasa setiap AMS untuk maklumat lebih lanjut.

3. Adakah perlu bagi pengimport di negara pengimport untuk memiliki status CE supaya berhak mendapat manfaat Skim AWSC?

Tidak, pengimport di negara pengimport tidak perlu memiliki status CE.

4. Adakah boleh sesebuah konsortium memohon status CE?

Ya. Dengan syarat bahawa konsortium itu memenuhi kriteria dalam Peraturan 12A OCP untuk ROO dalam ATIGA dan kriteria domestik yang ditetapkan oleh AMS pengeksport.

PIHAK BERKUASA KOMPETEN

5. Berkenaan dengan kewajipan CE, berapa kerapkah audit kepatuhan akan dijalankan?

Kekerapan audit kepatuhan bergantung kepada undang-undang dan peraturan domestik setiap AMS.

6. Sebelum CE mengeluarkan OD, adakah beliau perlu menyerahkan/mendaftarkan produk mereka kepada pihak berkuasa kompeten terlebih dahulu?

Ya, CE mesti mendaftar produk tersebut dengan pihak berkuasa kompeten terlebih dahulu. CE mesti membuat OD hanya untuk barangan yang CE telah diberi kebenaran kuasa untuk membuat dan untuk CE yang mempunyai semua dokumen yang sesuai yang membuktikan status tempasal barangan yang berkaitan. Sila rujuk perenggan 4 (b) Peraturan 12A ATIGA OCP:

“ 4. CE mempunyai tanggungjawab berikut:

(b) membuat OD hanya untuk barangan yang CE telah diizinkan untuk membuat OD dan yang mana CE memiliki semua dokumen yang sesuai yang membuktikan status tempasal barangan yang berkaitan semasa membuat pengisytiharan.” ”

PENGISYTIHARAN TEMPASAL

7. Apakah implikasi/denda kerana mengeluarkan OD yang salah secara tidak sengaja dan sengaja?

Seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan 12D OCP, pengeluaran OD yang salah boleh mengakibatkan penarikan pemberian kebenaran kuasa tersebut. Ia terjadi apabila CE tidak lagi menawarkan jaminan yang disebut dalam Peraturan 12A (1), tidak lagi memenuhi syarat yang disebut dalam Peraturan 12A (2) atau menyalahgunakan pemberian kebenaran kuasa. Denda tambahan disediakan dalam undang-undang dan peraturan AMS. Sila hubungi pihak berkuasa setiap AMS untuk maklumat lebih lanjut.

8. Sekiranya terdapat percanggahan yang berkaitan dengan OD, apakah tuntutan untuk layanan tarif berkeutamaan ATIGA berdasarkan OD tersebut akan ditolak secara automatik, atau apakah proses pengesahan akan menjadi langkah pertama?

Sila rujuk perenggan 3 dan 4 Peraturan 13 dari ATIGA OCP seperti berikut:

“ 3. Jika OD ditolak oleh pihak berkuasa kompeten dari Negara Anggota pengimport, OD akan dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Kompeten dalam tempoh yang wajar tidak melebihi enam puluh (60) hari. Pihak Berkuasa Kompeten akan dimaklumkan dengan tepat mengenai alasan penolakan layanan tarif berkeutamaan.

4. Jika Bukti-bukti Tempasal tidak diterima, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2 dan 3 Peraturan sebelumnya, Negara Anggota pengimport harus menerima dan mempertimbangkan penjelasan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten dan menilai kembali sama ada Bukti-bukti Tempasal boleh diterima untuk pemberian layanan berkeutamaan. Penerangan yang diberikan harus terperinci dan lengkap dalam menjelaskan alasan penolakan layanan berkeutamaan yang dibangkitkan oleh Negara Anggota pengimport.” ”

Untuk keterangan lebih lanjut, sila rujuk Peraturan 16, 18, 19 OCP ATIGA.

9. Adakah OD dalam bentuk invoice komersial akan diterima di semua AMS?

Ya, CE boleh mengemukakan OD yang dibuat di atas invoice komersial atau dokumen komersial lain (penyata bil, pesanan penghantaran atau senarai pembungkusan), dengan syarat bahawa semua maklumat yang diperlukan di bawah Lampiran 1 (Senarai keperluan Data) daripada

OCP ATIGA terdapat di dalam dokumen. Dokumen komersial lain hanya dapat digunakan jika inouis komersial tidak dapat dikemukakan semasa eksport.

Format Contoh OD yang dipersetujui oleh AMS boleh didapati di:

https://asean.org/storage/2012/05/SCAROO29_anx13_ag06.1.3c_Indicative-Format-of-OriginDeclaration-13-Mar-19-2.pdf

10. Sekiranya tidak ada inouis komersial, bolehkah CE mengeluarkan OD pada dokumen komersial lain? Jika tidak, bolehkah CE mengeluarkan OD pada senarai pembungkusan?

OD di bawah skim AWSC boleh dibuat pada inouis komersial atau dokumen komersial lain (penyata bil, pesanan penghantaran atau senarai pembungkusan), dengan syarat bahawa semua maklumat yang diperlukan di bawah Lampiran 1 (Senarai keperluan Data) OCP ATIGA terdapat dalam dokumen tersebut. Dokumen komersial lain hanya dapat digunakan jika inouis komersial tidak dapat dikemukakan semasa eksport.

Format Contoh OD yang dipersetujui oleh AMS boleh didapati di:

https://asean.org/storage/2012/05/SCAROO29_anx13_ag06.1.3c_Indicative-Format-of-OriginDeclaration-13-Mar-19-2.pdf

11. Bagaimanakah untuk memastikan bahawa OD yang dibuat di bawah Skim AWSC akan diterima oleh negara pengimport?

OD akan diterima asalkan ia mematuhi OCP ATIGA, termasuk keperluan data minimum (Lampiran 1 dari OCP ATIGA).

Format contoh berikut boleh digunakan untuk OD:

https://asean.org/storage/2012/05/SCAROO29_anx13_ag06.1.3c_Indicative-Format-of-OriginDeclaration-13-Mar-19-2.pdf

12. Adakah CE dibenarkan untuk mengeluarkan OD Back-to-Back di bawah Skim AWSC?

Ya, CE boleh membuat OD *Back-to-Back* asalkan mengikut perenggan 2 Peraturan 11 (Bukti Tempasal *Back-to-Back*) dari OCP ATIGA.

13. Adakah pihak berkuasa di negara pengimport menerima salinan fotokopi atau salinan OD yang diimbas?

Penerimaan salinan OD yang diimbas bergantung kepada undang-undang dan peraturan domestik setiap AMS. Singapura boleh menerima salinan fotokopi atau salinan OD yang diimbas. Untuk AMS lain, pedagang disarankan untuk menghubungi pihak berkuasa Kastam untuk maklumat lebih lanjut.

14. Apakah yang akan terjadi kepada OD di bawah SCPP1 yang tiba di negara destinasi setelah Skim AWSC mula berkuat kuasa pada atau selepas 20 September 2020?

SCPP1 telah ditamatkan sejak 20 September 2020. Pengeksport boleh membuat OD di bawah SCPP1 hingga 19 September 2020. OD di bawah SCPP1 sah selama satu (1) tahun dari tarikh dikeluarkan. Oleh itu, OD yang dikeluarkan pada 19 September 2020 masih sah sehingga 18 September 2021.

Bagi SCPP2, pengeksport juga dapat membuat pengisytiharan invoice di bawah SCPP2 hingga 19 September 2020. Sama dengan SCPP1, pengisytiharan OD di bawah SCPP2 sah selama 1 tahun dari tarikh dikeluarkan.

15. Adakah OD di bawah Skim AWSC akan menggantikan Borang D atau e-Borang D?

Tidak. CE boleh memilih untuk menggunakan AWSC OD, Borang D atau e-Borang D atau kesemuanya.

16. Adakah CE mempunyai hak untuk memilih sama ada menggunakan e-Borang D, Borang D atau OD di bawah AWSC?

Ya, CE dibenarkan untuk memilih sama ada menggunakan e-Borang D, Borang D atau OD di bawah AWSC. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak lagi mengeluarkan Borang D untuk menggalakkan penggunaan e-Borang D ATIGA. Sila hubungi pihak berkuasa pengeluar setiap AMS untuk maklumat lebih lanjut.

17. Adakah CE dibenarkan memilih antara Kod HS 6-digit, atau Kod AHTN 8-digit, atau Kod Tatanama Tarif Nasional 10-digit?

Adalah dibenarkan untuk memilih sama ada Kod HS 6-digit atau Kod AHTN 8-digit dengan syarat bahawa kod-kod tersebut pada OD adalah konsisten dengan yang didaftarkan di bawah sistem Pangkalan Data CE AWSC.

18. Adakah CE dibenarkan untuk mengeluarkan *Third Country Invoicing* OD di bawah Skim AWSC? Sekiranya ya, bagaimanakah CE boleh membuat OD kerana invois tidak dikeluarkan oleh CE?

Ya, CE boleh membuat OD pada dokumen komersial lain (cth. Pernyataan Bil, Pesanan Penghantaran, Senarai Pembungkusan) jika pengiriman melibatkan *Third Country Invoicing* selaras dengan Peraturan 23 (*Third Country Invoicing*) dari ATIGA OCP.

PENANDATANGAN YANG DIBERI KEBENARAN KUASA

19. Bolehkah syarikat penghantaran barangan atau ejen kastam untuk mewakili CE sebagai penandatanganan yang diberi kebenaran kuasa?

Penghantar barangan atau ejen kastam, jika dicalonkan oleh CE, boleh mewakili CE sebagai penandatanganan yang diberi kebenaran kuasa, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan domestik setiap AMS.

SOALAN UMUM

20. Bilakah Skim AWSC mula berkuat kuasa di rantau ASEAN?

20 September 2020.

21. Adakah bengkel orientasi peringkat kebangsaan akan disediakan?

Ya, kebanyakan AMS menganjurkan bengkel AWSC di peringkat kebangsaan. Sila hubungi pihak berkuasa kompeten di negara anda atau wakil SC-AROO untuk maklumat lebih lanjut.

22. Adakah terdapat masa penyelesaian yang dipersetujui daripada agensi kerajaan untuk setiap peringkat proses perakuan sendiri?

Garis masa telah disediakan dalam OCP ATIGA yang merangkumi:

- An OD shall be valid 12 months from the date of its issuance;
- OD akan sah 12 bulan dari tarikh dikeluarkan;
- OD yang ditolak hendaklah dikembalikan kepada Pihak Berkuasa

- Kompeten pihak pengeksport tidak lebih dari 60 hari;
- Jangka masa enam bulan untuk pemeriksaan retroaktif;
 - Jangka masa enam bulan untuk lawatan retroaktif; dan
 - Setiap AMS mungkin mempunyai garis masa tersendiri untuk memberikan status CE. Sila hubungi kementerian, agensi atau pihak berkuasa yang berkenaan untuk maklumat lebih lanjut.

SEKSYEN III

PIHAK BERKUASA KOMPETEN



SENARAI PIHAK BERKUASA KOMPETEN AWSC (SEPERTI YANG DIMAKLUMKAN KEPADA SEKRETARIAT ASEAN PADA 15 NOVEMBER 2020)

Negara Anggota	Pihak Berkuasa Kompeten	Negara Anggota	Pihak Berkuasa Kompeten
Brunei Darussalam	Kementerian Kewangan & Ekonomi: Bahagian Perdagangan http://www.bdnsw.gov.bn	Myanmar	Kementerian Perdagangan https://onlineco.myanmartradenet.com

Kemboja	Jawatankuasa Pemandu https://nsw.gov.kh/	Filipina	Biro Kastam https://customs.gov.ph/
Indonesia	Lembaga Pengarah Jenderal Perdagangan Luar Negeri, Kementerian Perdagangan https://e-ska.kemendag.go.id	Singapura	Kastam Singapura https://www.customs.gov.sg
Lao PDR	Kementerian Industri & Perdagangan https://www.laonsw.net	Thailand	Jabatan Perdagangan Luar Negeri http://self-cert.dft.go.th/self-cert/
Malaysia	Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri www.miti.gov.my	Viet Nam	Kementerian Industri & Perdagangan https://vnsw.gov.vn

SEKSYEN IV

LAMPIRAN



LAMPIRAN 1: PROSEDUR OPERASI
PENSIJILAN BAHARU YANG TELAH
DIKUATKUASAKAN BERMULA 20
SEPTEMBER 2020 (LAMPIRAN 8 ATIGA)

LAMPIRAN 2: FORMAT CONTOH
PENGISYTIHARAN TEMPASAL DAN
DEKLARASI TEMPASAL *BACK-TO-BACK*

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 8

PROSEDUR PERAKUAN OPERASI UNTUK PERATURAN TEMPASAL DI BAWAH BAB 3

Untuk tujuan melaksanakan Peraturan Tempasal yang ditetapkan dalam Bab 3 Perjanjian ini, prosedur operasi berikut mengenai penerbitan dan pengesahan Bukti Tempasal dan hal-hal pentadbiran lain yang berkaitan harus diperhatikan.

PERATURAN 1

DEFINISI

- (a) **ASW** bermaksud Tetingkap Tunggal ASEAN seperti yang ditakrifkan dalam Artikel 5 (a) PLF;
- (b) **Bukti Tempasal *Back-to-Back*** bermaksud Bukti Tempasal yang dikeluarkan oleh Negara Anggota pengeksport perantaraan berdasarkan Bukti Tempasal yang dikeluarkan oleh Negara Anggota pengeksport pertama;
- (c) **Pengeksport** yang Diperakui (CE) bermaksud pengeksport yang diberi kebenaran kuasa untuk membuat Pengisytiharan Tempasal mengenai tempasal barangan yang dieksport;
- (d) **Pihak Berkuasa Kompeten** bermaksud pihak berkuasa Kerajaan dari Negara Anggota pengeksport yang ditentukan untuk memberi kebenaran kuasa CE;

- (e) **Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D)** bermaksud Sijil Tempasal (Borang D) yang disusun sesuai dengan Garis Panduan Spesifikasi Proses dan Mesej e-Borang D ATIGA, dan dihantar secara elektronik antara Negara Anggota melalui ASW sesuai dengan ketentuan keselamatan yang ditentukan dalam Artikel 9 PLF;
- (f) **Pengeksport** bermaksud orang semula jadi atau perundangan yang terletak di rantau Negara Anggota di mana barangan dieksport dari orang tersebut;
- (g) **Pengimport** bermaksud orang semula jadi atau perundangan yang terletak di rantau Negara Anggota di mana barangan diimport dari orang tersebut;
- (h) **Pihak Berkuasa Pengeluar** adalah pihak berkuasa Pemerintah dari Negara Anggota pengeksport yang ditentukan untuk mengeluarkan Sijil Tempasal (Borang D) dan memaklumpkannya kepada semua Negara Anggota lain yang bersesuaian dengan Lampiran ini;
- (i) **NSW** bermaksud Tetingkap Tunggal Kebangsaan seperti yang ditentukan dalam Artikel 5 (c) PLF;
- (j) **Pengisytiharan Tempasal** bermaksud pengisytiharan mengenai tempasal barangan yang dieksport dibuat oleh CE sesuai dengan Peraturan 12 B;
- (k) **PLF** bermaksud Protokol mengenai Kerangka Undang-Undang untuk Melaksanakan Tetingkap Tunggal ASEAN yang diadakan di Ha Noi, Vietnam pada 4 September 2015;
- (l) **Pengeluar** bermaksud orang semula jadi atau perundangan yang melakukan pengeluaran sebagaimana ditentukan dalam

Artikel 25(j) Perjanjian ini, di wilayah Negara Anggota; dan

- (m) **Bukti Tempasal** bermaksud dokumen yang mengesahkan bahawa barangan yang dieksport memenuhi kehendak tempasal yang dinyatakan dalam Bab 3 Perjanjian ini.

PERATURAN 1 A

BUKTI TEMPASAL

Bukti Tempasal mungkin dalam bentuk:

- (a) Sijil Tempasal (Borang D);
- (b) Sijil Tempasal Elektronik (e- Borang D); atau
- (c) Pengisytiharan Tempasal.

PERATURAN 2

SPESIMEN TANDATANGAN DAN METERAI RASMI PIHAK BERKUASA PENGELUAR DAN PANGKALAN DATA PERAKUAN SENDIRI SELURUH ASEAN

1. Setiap Negara Anggota harus menyediakan senarai nama, alamat, tandatangan spesimen dan spesifikasi meterai rasmi Pihak Berkuasa Pengeluar, dalam format salinan cetak dan salinan lembut, melalui Sekretariat ASEAN untuk dimajukan kepada Negara Anggota lain dalam format salinan lembut. Sebarang perubahan dalam senarai tersebut harus segera dimajukan dengan cara yang sama.
2. Tandatangan spesimen dan meterai rasmi Pihak Berkuasa Pengeluar, yang disusun oleh Sekretariat ASEAN, akan dikemas

kini setiap tahun. Setiap Sijil Tempasal (Borang D) yang dikeluarkan oleh pejabat yang tidak termasuk dalam pendaftaran yang disebutkan dalam perenggan 1 tidak akan diperakui oleh Negara Anggota penerima.

3. Walau apa pun perenggan 1 dan 2, di mana suatu Negara Anggota hanya mengeluarkan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D), Negara Anggota tersebut tidak perlu memberikan senarai tandatangan spesimen dan spesifikasi meterai rasmi dari Pihak Berkuasa Pengeluar.
4. Sebaik sahaja status CE diberikan, setiap Negara Anggota harus segera memuatnaik makluman berikut ke dalam pangkalan data Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN: (a) Legal name and address of the company;
 - (a) Nama dan alamat syarikat yang sah;
 - (b) Kod pemberian kebenaran kuasa CE;
 - (c) Tarikh pengeluaran dan tarikh luput, pemberian kebenaran kuasa CE, jika ada;
 - (d) Senarai produk yang mendapat kebenaran, termasuk penerangan produk dalam HS enam digit atau Kod AHTN¹; dan
 - (e) Senarai penandatangan yang sah dan tandatangan spesimen masing-masing, tidak melebihi sepuluh (10)² orang bagi setiap syarikat.³

¹ Keperluan untuk mengekalkan syarat ini harus ditinjau selepas dua (2) tahun dari tarikh pelaksanaan Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN.

² Keperluan untuk mengekalkan syarat ini akan disemak semula selepas dua (2) tahun dari tarikh pelaksanaan Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN.

³ Keperluan untuk mengekalkan syarat ini harus ditinjau selepas dua (2) tahun dari tarikh pelaksanaan Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN.

Sebarang perubahan dalam subperenggan (a) hingga (e) di atas harus segera dimuatnaik dengan cara yang sama. Penarikan atau penangguhan pemberian kebenaran kuasa juga perlu dimuatnaik dalam cara yang sama.

5. Sekretariat ASEAN akan menjadi penjaga pangkalan data Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN, yang dapat diakses secara dalam talian oleh Negara Anggota.
6. Sebarang Pengisytiharan Tempasal yang dibuat oleh pengeksport atau penandatanganan yang tidak termasuk dalam pangkalan data, atau untuk produk yang tidak termasuk dalam pangkalan data, tidak akan diperakui oleh Negara Anggota penerima.

PERATURAN 3

DOKUMEN SOKONGAN

1. Untuk tujuan menentukan status tempasal, Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten berhak untuk meminta bukti dokumentasi atau untuk melakukan pemeriksaan yang dianggap sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota masing-masing.
2. Negara Anggota digalakkan untuk membenarkan pengiriman dokumen sokongan elektronik, jika ada, untuk melakukan pemeriksaan yang berkaitan dengan Bukti Tempasal, yang dianggap sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota masing-masing.

PERATURAN 4

PEMERIKSAAN PRA-EKSPORT

1. Pengeluar dan/atau pengeksport, atau wakilnya yang sah, akan membuat permohonan kepada Lembaga Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten untuk pengeluaran Bukti Tempasal atau sebagai CE, yang meminta pemeriksaan pra-eksport mengenai tempasal barangan atau status CE, bersesuaian dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota. Hasil pemeriksaan, bergantung kepada semakan secara berkala atau bila-bila masa yang sesuai, akan diterima sebagai bukti sokongan dalam menentukan tempasal barangan tersebut akan dieksport kemudiannya. Pemeriksaan pra-eksport mungkin tidak berlaku untuk barangan yang, berdasarkan sifatnya, dapat ditentukan tempasalnya dengan mudah.
2. Untuk bahan yang diperoleh secara tempatan, perakuan sendiri oleh pengeluar akhir yang mengeksport di bawah Perjanjian ini akan digunakan sebagai asas dalam menentukan status tempasal barangan tersebut.

PERATURAN 5

PERMOHONAN SIJIL TEMPASAL (BORANG D)

1. Semasa menjalankan urusan formal untuk mengeksport produk di bawah layanan berkeutamaan, pengeksport atau wakilnya yang sah hendaklah mengemukakan permohonan bertulis untuk Sijil Tempasal (Borang D) berserta dokumen sokongan yang bersesuaian yang membuktikan bahawa produk yang akan dieksport memenuhi syarat untuk pengeluaran Sijil Tempasal (Borang D).

2. CE boleh mengikut budi bicaranya sendiri, memohon Sijil Tempasal (Borang D) sebagai ganti membuat Pengisytiharan Tempasal.

PERATURAN 6

PEMERIKSAAN PERMOHONAN SIJIL TEMPASAL (BORANG D)

Pihak Berkuasa Pengeluar harus dengan sebaik mungkin kemampuannya melakukan pemeriksaan yang tepat, sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota, pada setiap permohonan Sijil Tempasal (Borang D) untuk memastikan bahawa:

- (a) Permohonan dan Sijil Tempasal (Borang D) dilengkapi dan ditandatangani oleh penandatangan yang diberi kebenaran kuasa;
- (b) Tempasal produk sesuai dengan ketentuan Bab 3 Perjanjian ini;
- (c) Sijil Tempasal (Borang D) yang lain sesuai dengan bukti dokumentari sokongan yang dikemukakan;
- (d) Keterangan, kuantiti dan berat barangan, tanda dan jumlah bungkus, bilangan dan jenis bungkus, seperti yang dinyatakan, sesuai dengan produk yang akan diekspor;
- (e) Item-item yang dinyatakan pada Sijil Tempasal yang sama (Borang D) dibenarkan dengan syarat setiap item memenuhi syarat secara berasingan.

PERATURAN 7

SIJIL TEMPASAL (BORANG D)

1. Sijil Tempasal (Borang D) hendaklah dibuat di atas kertas putih bersaiz ISO A4 sesuai dengan contoh yang ditunjukkan dalam Lampiran 7 Perjanjian ini. Ia mesti dibuat dalam bahasa Inggeris.
2. Sijil Tempasal (Borang D) hendaklah mengandungi satu (1) salinan asal dan dua (2) salinan karbon (pendua dan peniga).
3. Setiap Sijil Tempasal (Borang D) hendaklah mengandungi nombor rujukan yang diberikan secara berasingan oleh setiap tempat atau pejabat pengeluaran.
4. Setiap Sijil Tempasal (Borang D) hendaklah mengandungi tandatangan dan meterai rasmi pihak berkuasa yang mengeluarkan. Tandatangan dan meterai tersebut boleh diletakkan secara manual atau elektronik⁴.
5. Salinan asal hendaklah dihantar oleh pengeksport kepada pengimport untuk diserahkan kepada pihak berkuasa kastam atau pihak berkuasa Pemerintah yang relevan di pelabuhan atau tempat pengimportan. Pendua hendaklah disimpan oleh Pihak Berkuasa Pengeluar di Negara Anggota pengeksport. Peniga hendaklah disimpan oleh pengeksport.

⁴ Tandatangan dan meterai yang diterapkan secara elektronik tidak bermaksud tandatangan digital. Penerimaan Negara Anggota terhadap tandatangan dan meterai yang diterapkan secara elektronik adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturannya.

PERATURAN 8

PENGISYTIHARAN KRITERIA TEMPASAL DALAM SIJIL TEMPASAL (BORANG D)

Bagi tujuan pelaksanaan peruntukan di bawah Artikel 26 Perjanjian ini, Sijil Tempasal (Borang D) yang dikeluarkan oleh Negara Anggota pengeksport terakhir harus menunjukkan kriteria tempasal yang bersesuaian.

PERATURAN 9

LAYANAN KE ATAS PENGISYTIHARAN YANG SALAH DALAM PERAKUAN TEMPASAL (BORANG D)

Pemadaman atau pengubahsuaian maklumat tidak dibenarkan pada Sijil Tempasal (Borang D). Sebarang pindaan perlu dilakukan dengan:

- (a) Membatalkan perkataan yang salah dengan menggariskannya dan membuat pindaan yang diperlukan. Pindaan tersebut hendaklah diluluskan oleh pegawai yang diberi kebenaran kuasa untuk menandatangani Sijil Tempasal (Borang D) dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Pengeluar. Ruang yang tidak digunakan hendaklah dipotong untuk mengelakkan penambahan berikutnya; atau
- (b) Mengeluarkan Sijil Tempasal baharu (Borang D) untuk menggantikan yang salah.

PERATURAN 10

PENGELUARAN SIJIL TEMPASAL (BORANG D)

1. Tertakluk kepada pengemukaan semua dokumen yang diperlukan, Sijil Tempasal (Borang D) akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengeluar Negara Anggota pengeksport sebelum atau semasa tempoh penghantaran, tetapi tidak lebih tiga (3) hari dari tarikh penghantaran yang diisytiharkan, apabila barangan yang akan dieksport boleh dianggap berasal dari Negara Anggota tersebut dalam maksud Bab 3 Perjanjian ini.
2. Dalam kes-kes yang tertentu, di mana Sijil Tempasal (Borang D) belum dikeluarkan semasa eksport atau selewat-lewatnya tiga (3) hari dari tarikh penghantaran yang diisytiharkan, kerana kesalahan yang tidak disengajakan atau sebab-sebab lain yang munasabah, Sijil Tempasal (Borang D) boleh dikeluarkan secara retroaktif tetapi tidak lebih satu (1) tahun dari tarikh penghantaran dan akan ditandakan dengan “Dikeluarkan secara retroaktif” secara jelas.

PERATURAN 11

BUKTI TEMPASAL *BACK-TO-BACK*

1. Pihak Berkuasa Pengeluar Negara Anggota pengantara boleh mengeluarkan Sijil Tempasal *Back-to-Back* (Borang D) jika permohonan dibuat oleh pengeksport, dengan syarat:
 - (a) Bukti Tempasal asal yang sah ditunjukkan. Sekiranya tiada Bukti Tempasal yang asal dikemukakan, salinannya yang disahkan hendaklah dikemukakan;

- (b) Sijil Tempasal (Borang D) *Back-to-Back* yang dikeluarkan hendaklah mengandungi beberapa maklumat yang sama dengan Bukti Tempasal yang asal. Khususnya, setiap ruangan dalam Sijil Tempasal (Borang D) *Back-to-Back* harus dilengkapkan. Harga FOB Negara Anggota pengantara dalam Kotak 9 juga harus dinyatakan di dalam Sijil Tempasal (Borang D) *Back-to-Back*;
- (c) Untuk penghantaran separa eksport, nilai sebahagian daripada eksport tersebut akan dinyatakan dan bukannya nilai penuh Bukti Tempasal yang asal. Negara Anggota pengantara perlu memastikan bahawa jumlah kuantiti yang dieksport semula di bawah penghantaran separa eksport tidak melebihi jumlah kuantiti Bukti Tempasal dari Negara Anggota pertama sewaktu meluluskan Sijil Tempasal (Borang D) *Back-to-Back* kepada pengeksport;
- (d) Sekiranya maklumat tersebut tidak lengkap dan/atau disyaki terdapat pemintasan, Negara Anggota pengimport terakhir boleh meminta Bukti Tempasal yang asli diserahkan kepada pihak berkuasa masing-masing;
- (e) Prosedur pengesahan sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan 18 dan 19 juga terpakai untuk Negara Anggota yang mengeluarkan Sijil Tempasal (Borang D) *Back-to-Back*;
- (f) Maklumat pada Sijil Tempasal (Borang D) *Back-to-Back* turut merangkumi tarikh pengeluaran dan nombor rujukan Bukti Tempasal yang asal. Maklumat tersebut hendaklah dinyatakan di dalam Kotak 7 Sijil Tempasal (Borang D) *Back-to-Back*.

2. CE boleh membuat Pengisytiharan Tempasal *Back-to-Back* dengan syarat bahawa:
 - (a) CE tersebut mempunyai Bukti Tempasal asal yang sah dari Negara Anggota pengeksport pertama. Sekiranya tiada Bukti Tempasal yang asal, salinannya yang disahkan perlu digunakan;
 - (b) Pengisytiharan Tempasal *Back-to-Back* yang dikeluarkan hendaklah mengandungi beberapa maklumat yang sama dengan Bukti Tempasal yang asal. Harga FOB Negara Anggota pengantara juga harus ditunjukkan dalam Pengisytiharan Tempasal;
 - (c) Untuk penghantaran separa eksport, nilai sebahagian daripada eksport tersebut akan dinyatakan dan bukannya nilai penuh Bukti Tempasal yang asal. CE yang membuat Pengisytiharan Tempasal *Back-to-Back* perlu memastikan bahawa jumlah kuantiti yang dieksport semula di bawah penghantaran separa eksport tidak melebihi jumlah keseluruhan Bukti Tempasal yang asal;
 - (d) Prosedur pengesahan seperti yang ditetapkan dalam Peraturan 18 dan 19 juga terpakai untuk Negara Anggota yang mengeluarkan Pengisytiharan Tempasal *Back-to-Back*;
 - (e) Maklumat pada Pengisytiharan Tempasal *Back-to-Back* turut merangkumi tarikh pengeluaran dan nombor rujukan Bukti Tempasal yang asal;
 - (f) CE yang membuat Pengisytiharan Tempasal *Back-to-Back* haruslah merupakan CE yang diberi kebenaran kuasa

untuk membuat Pengisytiharan Tempasal untuk barangan yang sama.

PERATURAN 12

KEHILANGAN SIJIL TEMPASAL (BORANG D)

Sekiranya berlaku kecurian, kehilangan atau kemusnahan Sijil Tempasal (Borang D), pengeksport boleh meminta secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Pengeluar untuk mengeluarkan salinan asal dan peniga yang disahkan berdasarkan dokumen eksport yang ada pada mereka dengan menyatakan “SALINAN DIAKUI SAH” dalam Kotak 12. Salinan ini hendaklah mempunyai tarikh pengeluaran Sijil Tempasal yang asal (Borang D). Salinan Sijil Tempasal (Borang D) yang diakui sah hendaklah dikeluarkan tidak melebihi satu (1) tahun dari tarikh Sijil Tempasal (Borang D) dikeluarkan.

PERATURAN 12 A

PENGEKSPORT YANG DIPERAKUI

1. Pihak Berkuasa Kompeten dari Negara Anggota pengeksport boleh memberi kebenaran kepada pengeksport yang membuat penghantaran produk di bawah Perjanjian ini, yang digelar sebagai “Pengeksport yang Diperakui”, untuk membuat Pengisytiharan Tempasal berhubung status tempasal barangan tersebut. Pengeksport yang meminta kebenaran tersebut mesti memohon secara bertulis atau secara elektronik dan mesti boleh memberi jaminan yang memuaskan kepada Pihak Berkuasa Kompeten bagi mengesahkan status tempasal barangan melalui Pengisytiharan Tempasal.

2. Pihak Berkuasa yang Kompeten boleh memberikan status CE tertakluk kepada sebarang syarat yang mereka anggap sesuai, meliputi hal-hal berikut:
 - (a) Pengeksport didaftarkan sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport;
 - (b) Pengeksport harus berjanji untuk memastikan bahawa penandatanganan yang diberi kebenaran kuasa dan tanggungjawab untuk membuat Pengisytiharan Tempasal, dalam perjanjian tersebut, mengetahui dan memahami Peraturan Tempasal sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian;
 - (c) Pengeksport harus memiliki pengalaman yang memuaskan dalam eksport sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport;
 - (d) Pengeksport tidak memiliki sebarang rekod penipuan Peraturan Tempasal; sesuai dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport;
 - (e) Pengeksport mesti mempunyai pematuhan yang baik yang diukur dengan pengurusan risiko Pihak Berkuasa Kompeten Negara Anggota pengeksport;
 - (f) Pengeksport yang merupakan pedagang, harus mempunyai “Pengisytiharan Pengilang” yang menunjukkan tempasal produk yang diperakui sendiri dan kesediaan pengilang untuk bekerjasama dalam pemeriksaan retroaktif dan lawatan pengesahan sekiranya diperlukan; dan

- (g) Pengeksport harus memiliki sistem pembukuan dan penyimpanan rekod yang baik, sesuai dengan undang-undang dan peraturan dari Negara Anggota pengeksport.
3. Kebenaran hendaklah diberikan secara bertulis. Pihak Berkuasa Kompeten akan memberikan CE kod kebenaran yang mesti disertakan dalam Pengisytiharan Tempasal. Negara-negara Anggota harus segera memuatnaik maklumat tentang kebenaran yang diberikan di dalam pangkalan data Perakuan Sendiri seluruh ASEAN, sesuai dengan Peraturan 2 (4).
4. CE mempunyai tanggungjawab berikut:
- (a) memberi kebenaran kepada Pihak Berkuasa Kompeten untuk mengakses rekod dan premis bagi tujuan pemantauan penggunaan kebenaran dan verifikasi kesahihan pengisytiharan yang dibuat. Semua rekod dan akaun mestilah boleh mengesahkan status asal barangan yang telah dibuat Pengisytiharan Tempasal, selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun bermula dari tarikh pengisytiharan dibuat selaras dengan undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport;
 - (b) membuat Pengisytiharan Tempasal hanya untuk barangan yang CE telah diberi kebenaran untuk membuat Pengisytiharan Tempasal, dan yang mana CE mempunyai semua dokumen bagi membuktikan status tempasal barangan yang berkaitan semasa membuat pengisytiharan tersebut;
 - (c) terus mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Perenggan 2 Peraturan ini;

- (d) bekerjasama dalam pemeriksaan retroaktif dan lawatan verifikasi;
- (e) menerima tanggungjawab penuh untuk semua Pengisytiharan Tempasal yang dibuat, termasuk penyalahgunaan; dan
- (f) segera memaklumkan Pihak Berkuasa Kompeten tentang perubahan yang berkaitan dengan maklumat yang dikemukakan di bawah Peraturan 2 (4) Lampiran ini.

PERATURAN 12 B

PENGISYTIHARAN TEMPASAL

1. Pengisytiharan Tempasal hendaklah mengandungi keperluan data yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Lampiran ini.

LAMPIRAN 1

SENARAI KEPERLUAN DATA

1. Maklumat CE	Kod Kebenaran CE.
2. Perihal Barangan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Nama Produk; (ii) HS dalam enam digit atau Kod AHTN; (iii) Kriteria Tempasal; (iv) Negara Tempasal; (v) Harga FOB apabila kriteria tempasal <i>Regional Value Content</i> digunakan; (vi) Kuantiti barangan; (vii) Tanda dagangan, jika berkenaan; dan (viii) Bagi Pengisytiharan Tempasal <i>Back-to-Back</i>, nombor rujukan Bukti Tempasal asal, tarikh dikeluarkan, Negara pengeksporth pertama, dan, jika berkenaan, Kod Kebenaran CE dari negara pengeksporth pertama.
3. Perakuan oleh penandatangan yang sah ⁵	<ul style="list-style-type: none"> (i) Perakuan oleh penandatangan CE yang sah bahawa barangan yang dinyatakan dalam Pengisytiharan Tempasal memenuhi semua syarat yang relevan di bawah Bab 3 Perjanjian ini berdasarkan bukti yang diberikan. (ii) Tandatangan orang yang diberi kebenaran di atas nama penandatangan yang dicetak/dicop.

2. Pengisytiharan Tempasal perlu dibuat di atas invoie komersial. Walau bagaimanapun, jika Pengisytiharan Tempasal tidak dapat dibuat di atas invoie komersial semasa eksport, ia boleh dibuat di atas salah satu dokumen komersial berikut: penyata bil, pesanan penghantaran atau senarai pembungkusan, dan akan diterima

⁵ Keperluan untuk mengekalkan syarat ini harus diteliti semula selepas 2 tahun dari tarikh pelaksanaan Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN.

semasa pengimportan jika dikemukakan bersama dengan invoice komersial.

3. Dokumen yang mengandungi Pengisytiharan Tempasal perlu memperincikan barangan dengan jelas bagi membolehkan barangan itu dikenal pasti untuk tujuan penentuan tempasal.
4. Pengisytiharan Tempasal hendaklah mengandungi nama dan tandatangan secara manual dari penandatangan yang diberi kebenaran.
5. Tarikh dokumen yang mengandungi Perisytiharan Tempasal akan dianggap sebagai tarikh pengeluaran Pengisytiharan Tempasal.
6. Nombor rujukan yang mengandungi Perisytiharan Tempasal akan dianggap sebagai nombor rujukan Pengisytiharan Tempasal.
7. Jika ruang yang disediakan dalam Pengisytiharan Tempasal tidak cukup untuk menyenaraikan semua produk, halaman tambahan yang mengandungi maklumat seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1 boleh disertakan.

PERATURAN 12 C

PEMANTAUAN DAN PENGESAHAN

Pihak Berkuasa Kompeten perlu memantau penggunaan pemberian kebenaran yang betul, termasuk mengesahkan ketepatan Pengisytiharan Tempasal yang dibuat. Keputusan berhubung kekerapan dan skop tindakan tersebut perlulah berdasarkan risiko. Pihak Berkuasa Kompeten juga perlu mengambil tindakan ke atas permintaan verifikasi secara retrospektif oleh pihak berkuasa kastam Negara Anggota pengimport, selaras dengan Peraturan 18.

PERATURAN 12D

PENARIKAN SEMULA PEMBERIAN KEBENARAN

Pihak Berkuasa Kompeten boleh menarik semula pemberian kebenaran pada bila-bila masa. Penarikan semula hendaklah dilakukan apabila CE tidak lagi menawarkan jaminan yang digariskan di dalam Peraturan 12A (1), tidak lagi memenuhi syarat yang digariskan dalam Peraturan 12A (2) atau menyalahgunakan pemberian kebenaran. Penarikan semula ini perlu segera dimuatnaik ke dalam pangkalan data Perakuan Sendiri Seluruh ASEAN oleh Negara Anggota, selaras dengan Peraturan 2.

PERATURAN 13

PENGEMUKAAN BUKTI TEMPASAL

1. Bagi tujuan menuntut layanan tarif berkeutamaan, pengimport harus mengemukakan kepada pihak berkuasa kastam atau pemerintah yang relevan dari Negara Anggota pengimport semasa import:
 - (a) Sijil Tempasal (Borang D) termasuk dokumen sokongan; atau
 - (b) Pengisytiharan Tempasal yang dibuat oleh CE termasuk dokumen sokongan.
2. Sekiranya Sijil Tempasal (Borang D) ditolak oleh pihak berkuasa kastam atau pihak berkuasa kerajaan yang relevan dari Negara Anggota pengimport, Sijil Tempasal (Borang D) berkenaan harus ditandakan dalam ruangan bersesuaian di Kotak 4 dan dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Pengeluar dalam jangka

masa yang munasabah tidak melebihi enam puluh (60) hari. Pihak Berkuasa Pengeluar perlu dimaklumkan dengan jelas mengenai alasan penolakan layanan tarif berkeutamaan.

3. Jika Pengisytiharan Tempasal ditolak oleh pihak berkuasa kompeten dari Negara Anggota pengimport, Pengisytiharan Tempasal berkenaan perlu dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Kompeten dalam tempoh yang wajar tidak melebihi enam puluh (60) hari. Pihak Berkuasa Kompeten akan dimaklumkan dengan jelas mengenai alasan penolakan layanan tarif berkeutamaan.
4. Jika Bukti Tempasal tidak diterima, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2 dan 3 Peraturan sebelumnya, Negara Anggota pengimport harus menerima dan mempertimbangkan penjelasan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten dan menilai kembali sama ada Bukti Tempasal boleh diterima untuk pemberian layanan berkeutamaan. Penerangan yang diberikan harus terperinci dan lengkap dalam menjelaskan alasan penolakan layanan berkeutamaan yang dinyatakan oleh Negara Anggota pengimport.

PERATURAN 14

TEMPOH SAH LAKU BUKTI TEMPASAL

Had masa pengemukaan Bukti Tempasal hendaklah dipatuhi seperti berikut:

- (a) Bukti Tempasal sah selama dua belas (12) bulan dari tarikh pengeluaran bagi Sijil Tempasal atau dari tarikh Pengisytiharan Tempasal dibuat, dan harus dikemukakan kepada pihak berkuasa kastam pengimport Negara Anggota dalam tempoh tersebut.

- (b) Apabila Bukti Tempasal dikemukakan kepada pihak berkuasa kastam dari Negara Anggota pengimport melebihi tempoh sah laku, Bukti Tempasal tersebut masih harus diterima apabila kegagalan untuk mematuhi tempoh waktu tersebut timbul daripada keadaan-keadaan Force Majeure atau sebab lain di luar kawalan pengeksporth; dan
- (c) Pihak berkuasa kastam di Negara Anggota pengimport boleh menerima Bukti Tempasal yang lewat dikemukakan dengan syarat barangan tersebut telah diimport sebelum tamat tempoh.

PERATURAN 15

PENGECCUALIAN BUKTI TEMPASAL

Jika barangan yang dihantar adalah berasal dari Negara Anggota pengeksporth dan nilai FOB tidak melebihi US\$ 200.00, pengeluaran Bukti Tempasal tidak diperlukan dan pengisytiharan ringkas oleh pengeksporth bahawa barangan yang dimaksudkan berasal dari Negara Anggota akan diterima. Barangan yang dihantar melalui pos tidak melebihi nilai FOB US\$ 200.00 juga akan mendapat layanan yang sama.

PERATURAN 16

LAYANAN BERKAITAN PERCANGGAHAN KECIL

1. Sekiranya tempasal barangan ASEAN tersebut tidak diragui, penemuan percanggahan kecil, seperti kesalahan tipografi, di antara pernyataan yang dibuat dalam Bukti Tempasal dan dokumen sokongan yang diserahkan kepada pihak berkuasa kastam dari Negara Anggota pengimport bagi tujuan formaliti

urusan pengimportan tidak boleh secara ipso facto membatalkan dokumen tersebut sekiranya telah dibuktikan bahawa dokumen tersebut sebenarnya berpadanan dengan barangan yang dihantar.

2. Sekiranya Negara Anggota pengeksport dan Negara Anggota pengimport mempunyai klasifikasi tarif yang berbeza bagi barangan yang layak diberi layanan tarif berkeutamaan, barangan tersebut akan dilepaskan pada kadar MFN atau pada tarif berkeutamaan yang lebih tinggi, tertakluk kepada pematuhan ROO, dan tidak ada penalti atau caj lain akan dikenakan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang relevan dari Negara Anggota pengimport. Setelah perbezaan klasifikasi diselesaikan, tarif yang bertepatan akan diguna pakai dan lebihan duti akan dikembalikan, sekiranya berkenaan, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang relevan dari Negara Anggota pengimport, sejurus selepas permasalahan diselesaikan.
3. Masalah yang dihadapi dengan salah satu daripada beberapa item yang disenaraikan tidak akan mempengaruhi atau melambatkan pemberian layanan berkeutamaan dan pelepasan kastam ke atas barangan lain yang disenaraikan dalam Bukti Tempasal tersebut. Peraturan 18 (c) boleh digunakan untuk item yang bermasalah.

PERATURAN 17

KEPERLUAN MENYIMPAN REKOD

1. Bagi tujuan proses verifikasi selaras dengan Peraturan 18 dan 19, pengilang dan/atau pengeksport yang memohon untuk

pengeluaran Sijil Tempasal (Borang D) dan CE yang membuat Pengisytiharan Tempasal harus, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan Negara Anggota pengeksport, menyimpan rekod sokongan berkaitan dengan Bukti Tempasal tersebut selama tidak kurang tiga (3) tahun dari tarikh pengeluaran Bukti Tempasal.

2. Permohonan Sijil Tempasal (Borang D) dan semua dokumen yang berkaitan dengan permohonan tersebut hendaklah disimpan oleh Pihak Berkuasa Pengeluar selama tidak kurang tiga (3) tahun dari tarikh Sijil Tempasal (Borang D) dikeluarkan.
3. Permohonan sebagai CE dan semua dokumen yang berkaitan dengan permohonan tersebut harus disimpan oleh Pihak Berkuasa Kompeten selama tidak kurang tiga (3) tahun dari tarikh luput atau penarikan semula kebenaran.
4. Maklumat berkaitan kesahihan Sijil Tempasal (Borang D) dan kesahihan Pengisytiharan Tempasal hendaklah diberikan atas permintaan Negara Anggota pengimport oleh pegawai yang diberi kebenaran kuasa untuk menandatangani Sijil Tempasal (Borang D) dan disahkan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang sesuai atau Pihak Berkuasa Kompeten Negara Anggota pengeksport, masing-masing.
5. Sebarang maklumat yang dikomunikasikan antara Negara-negara Anggota yang berkenaan harus dianggap sebagai rahsia dan hanya akan digunakan untuk tujuan verifikasi Bukti Tempasal.

PERATURAN 18

PEMERIKSAAN RETROAKTIF

Negara Anggota pengimport boleh meminta Pihak Berkuasa Kompeten Negara Anggota pengeksport untuk melakukan pemeriksaan retroaktif secara rawak dan/atau apabila mempunyai keraguan yang munasabah mengenai keaslian dokumen atau ketepatan maklumat mengenai tempasal barangan yang dimaksudkan atau bahagian tertentu daripadanya. Atas permintaan tersebut, Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten dari Negara Anggota pengeksport harus melakukan pemeriksaan retroaktif terhadap pernyataan kos pengilang/pengeksport berdasarkan kadar dan harga semasa, dalam tempoh masa enam (6) bulan, daripada tarikh eksport tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Permintaan untuk pemeriksaan retroaktif harus disertakan dengan Bukti Tempasal yang berkaitan dan harus menyatakan alasan dan maklumat tambahan yang menunjukkan bahawa butir-butir yang diberikan pada Bukti Tempasal tersebut mungkin tidak tepat, kecuali jika pemeriksaan retroaktif diminta secara rawak;
- (b) Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten yang menerima permintaan untuk pemeriksaan retroaktif perlu segera menjawab permintaan tersebut dan membalas dalam tempoh waktu sembilan puluh (90) hari setelah penerimaan;
- (c) Pihak berkuasa kastam Negara Anggota pengimport boleh menangguhkan ketentuan mengenai layanan berkeutamaan sementara menunggu hasil verifikasi. Walau bagaimanapun, barangan tersebut boleh dilepaskan kepada pengimport dengan

tertakluk kepada tindakan pengurusan yang dianggap perlu, dengan syarat ia tidak dikenakan larangan atau sekatan import dan tidak ada penipuan yang mencurigakan; dan

- (d) Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten akan segera menghantar hasil proses verifikasi ke Negara Anggota pengimport yang kemudiannya akan menentukan tempasal barangan tersebut. Keseluruhan proses pemeriksaan retroaktif termasuk proses pemberitahuan kepada Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten dari Negara Anggota pengeksport mengenai hasil penentuan tempasal barangan itu perlu diselesaikan dalam masa seratus lapan puluh (180) hari. Sementara menunggu hasil pemeriksaan retroaktif, perenggan (c) adalah terpakai.

PERATURAN 19

LAWATAN VERIFIKASI

1. Sekiranya Negara Anggota pengimport tidak berpuas hati dengan hasil pemeriksaan retroaktif, maka, Negara Anggota pengimport dalam kes yang tertentu, boleh memohon lawatan verifikasi ke Negara Anggota pengeksport.
2. Sebelum melakukan lawatan verifikasi, Negara Anggota pengimport, harus menyampaikan pemberitahuan secara bertulis mengenai niatnya untuk membuat lawatan verifikasi kepada:
 - (a) pengeksport/pengeluar yang premisnya hendak dikunjungi;

- (b) Pihak Berkuasa Pengeluar atau Kompeten Negara Anggota di daerah yang akan dilakukan lawatan verifikasi;
 - (c) pihak berkuasa kastam atau pihak berkuasa Pemerintah yang relevan dari Negara Anggota di daerah yang akan dilakukan lawatan verifikasi; dan
 - (d) pengimport barangan yang menjadi sasaran lawatan verifikasi;
3. Pemberitahuan bertulis yang disebutkan dalam perenggan 2 harus selengkap mungkin termasuk, antara lain:
- (a) nama pihak berkuasa kastam atau pihak berkuasa Pemerintah yang relevan yang mengeluarkan pemberitahuan itu;
 - (b) nama pengeksport/pengilang yang premisnya hendak dikunjungi;
 - (c) tarikh yang dicadangkan untuk lawatan verifikasi;
 - (d) liputan lawatan verifikasi yang dicadangkan, termasuk barangan yang memerlukan verifikasi; dan
 - (e) nama dan jawatan pegawai yang melakukan lawatan verifikasi.
4. Negara Anggota pengimport harus mendapatkan persetujuan bertulis daripada pengeksport/pengilang yang premisnya hendak dikunjungi sebagaimana disebutkan dalam perenggan 2 sebelum lawatan verifikasi yang dicadangkan.

5. Apabila persetujuan bertulis daripada pengeksport/pengeluar tidak diperoleh dalam tempoh waktu tiga puluh (30) hari setelah pemberitahuan diterima, selaras dengan dengan perenggan 2, Negara Anggota yang memberitahu, boleh menolak layanan berkeutamaan terhadap barangan yang menjadi sasaran verifikasi.
6. Pihak Berkuasa Pengeluar atau Kompeten yang menerima pemberitahuan boleh menangguhkan lawatan pengesahan yang dicadangkan dan memberitahu Negara Anggota pengimport tentang niat tersebut. Walau apa pun, setiap lawatan pengesahan perlu dilakukan dalam tempoh waktu enam puluh (60) hari dari tarikh penerimaan tersebut, atau untuk jangka waktu yang lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh Negara-negara Anggota yang berkaitan.
7. Negara Anggota yang melakukan lawatan pengesahan harus memberi pengeksport/pengilang yang barangannya menjadi subjek verifikasi dan Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa yang relevan dengan penentuan secara bertulis sama ada barangan yang dimaksudkan layak atau tidak sebagai barangan tempasal.
8. Segala penangguhan layanan berkeutamaan harus dikembalikan setelah penentuan bertulis yang disebutkan dalam perenggan 7 menunjukkan bahawa barangan tersebut memenuhi syarat sebagai barangan tempasal.
9. Pengeksport/pengilang akan diberikan masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan keputusan tersebut, untuk memberikan komen secara bertulis atau maklumat tambahan mengenai kelayakan barangan tersebut. Sekiranya barangan tersebut

masih didapati bukan barangan tempasal, penentuan secara bertulis yang terakhir akan disampaikan kepada Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari penerimaan komen/maklumat tambahan daripada pengeksport/pengilang.

10. Proses lawatan verifikasi, termasuk lawatan sebenar dan penentuan sama ada barangan subjek itu barangan tempasal atau tidak, harus dilakukan dan hasilnya disampaikan kepada Pihak Berkuasa Pengeluar atau Pihak Berkuasa Kompeten dalam waktu maksimum seratus lapan puluh (180) hari. Sementara menunggu hasil lawatan pengesahan, Peraturan 18 (c) mengenai penangguhan layanan berkeutamaan mungkin dikenakan.

PERATURAN 20

KERAHSIAAN

Negara-negara Anggota harus menjaga, selaras dengan undang-undang dan peraturan mereka, kerahsiaan maklumat perniagaan sulit yang dikumpulkan dalam proses pengesahan selaras dengan Peraturan 18 dan 19 dan perlu melindungi maklumat tersebut dari pendedahan yang dapat menjejaskan kedudukan kompetitif orang yang memberikan maklumat. Maklumat perniagaan yang sulit hanya boleh didedahkan kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk tujuan pentadbiran dan pelaksanaan penentuan tempasal.

PERATURAN 21

DOKUMENTASI UNTUK MELAKSANAKAN ARTIKEL 32 (2) (B) (KONSAINAN TERUS)

Bagi tujuan pelaksanaan Artikel 32 (2) (b) Perjanjian ini, jika pengangkutan yang digunakan melalui satu atau lebih Negara Bukan Anggota, maklumat berikut harus dikemukakan kepada pihak berkuasa Pemerintah Negara Anggota pengimport:

- (a) Bil Muatan yang dikeluarkan di Negara Anggota pengeksport;
- (b) Sijil Tempasal (Borang D) yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan yang relevan dari Negara Anggota pengeksport atau Pengisytiharan Tempasal yang dibuat oleh CE yang dilantik di Negara Anggota pengeksport;
- (c) salinan invois komersial asal barangan, jika berkenaan; dan
- (d) dokumen sokongan yang membuktikan bahawa kehendak Artikel 32 (2) (b) perenggan (i), (ii) dan (iii) Perjanjian ini telah dipatuhi.

PERATURAN 22

BARANGAN PAMERAN

1. Barangan yang dihantar dari Negara Anggota pengeksport untuk pameran di Negara Anggota lain dan dijual semasa atau setelah pameran melalui import ke Negara Anggota akan diberikan layanan berkeutamaan berdasarkan Perjanjian ini dengan syarat bahawa barangan tersebut memenuhi kehendak seperti

yang ditetapkan dalam Bab 3 Perjanjian ini, tertakluk kepada kepuasan pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan dari Negara Anggota pengimport bahawa:

- (a) pengeksport telah menghantar barangan tersebut dari rantau Negara Anggota pengeksport ke Negara Anggota tempat pameran diadakan dan telah mempamerkannya di sana;
 - (b) pengeksport telah menjual barangan atau memindahkannya kepada penerima di Negara Anggota pengimport; dan
 - (c) barangan telah dihantar semasa pameran atau segera selepas itu ke Negara Anggota pengimport untuk pameran tersebut.
2. Bagi tujuan pelaksanaan perenggan 1, Sijil Tempasal (Borang D) atau, dalam hal CE, Pengisytiharan Tempasal harus diberikan kepada pihak berkuasa Pemerintah dari Negara Anggota pengimport. Nama dan alamat pameran mesti dinyatakan. Pihak berkuasa kerajaan yang relevan dari Negara Anggota tempat pameran berlangsung boleh memberikan bukti berserta dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Peraturan 21 (d) untuk pengecaman produk dan keadaan di mana mereka dipamerkan.
 3. Perenggan 1 terpakai untuk setiap pameran perdagangan, pertanian atau kraf tangan, pertunjukan atau pameran yang serupa di kedai atau premis perniagaan dengan tujuan untuk penjualan barangan asing dan di mana barangan tersebut berada di bawah kawalan kastam selama tempoh pameran.

PERATURAN 23

THIRD COUNTRY INVOICING

1. Pihak berkuasa Pemerintah yang relevan di Negara Anggota pengimport hendaklah menerima Bukti Tempasal jika invois penjualan dikeluarkan sama ada oleh syarikat yang terletak di negara ketiga atau oleh pengeksport ASEAN untuk akaun syarikat tersebut, dengan syarat barangan tersebut memenuhi kehendak Bab 3 Perjanjian ini.
2. Pengeksport hendaklah menyatakan “Third Country Invoicing” dan maklumat lain seperti nama dan negara syarikat yang mengeluarkan invois dalam Sijil Tempasal (Borang D).
3. Sekiranya invois penjualan dikeluarkan sama ada oleh syarikat yang berada di negara ketiga atau oleh pengeksport ASEAN untuk akaun syarikat tersebut, CE boleh membuat Pengisytiharan Tempasal pada penyata bil, pesanan penghantaran atau senarai pembungkusan.

PERATURAN 24

TINDAKAN KE ATAS PERLAKUAN PENIPUAN

1. Apabila disyaki bahawa penipuan berkaitan dengan Bukti Tempasal telah dilakukan, pihak berkuasa Pemerintah yang berkaitan harus bekerjasama untuk mengambil tindakan terhadap orang yang terlibat.
2. Setiap Negara Anggota harus mengenakan sekatan undang-undang ke atas perlakuan penipuan yang berkaitan dengan Bukti Tempasal.

PERATURAN 25

HARGA FOB

Bagi tujuan Perjanjian ini, walau apa pun Peraturan 11 (b), harga FOB hanya akan dinyatakan di atas Bukti Tempasal dan Bukti Tempasal *Back-to-Back*, seperti yang dikehendaki oleh Negara-negara Anggota yang disenaraikan dalam perenggan yang berkaitan dengan harga FOB di dalam *Overleaf Notes* Sijil Tempasal (Borang D), bagi kes di mana *Regional Value Content* dikira menggunakan formula yang ditetapkan di dalam Artikel 29 Perjanjian digunakan dalam penentuan tempasal.

PERATURAN 26

KESETARAAN SIJIL TEMPASAL KERTAS DAN ELEKTRONIK (E-BORANG D)

1. Sijil Tempasal (Borang D) dalam format elektronik boleh dimohon, dikeluarkan, dan diterima sebagai ganti kepada format kertas, dengan kesan undang-undang yang setara.
2. Peraturan 27 hingga 31 terpakai bagi Sijil Tempasal Elektronik (e-Form D). Kecuali dinyatakan lain dalam Peraturan 27 hingga 31, Peraturan 1 hingga 6, 8, 10, 11, 14 hingga 16, dan 18 hingga 25 juga terpakai bagi pemprosesan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D).

PERATURAN 27

SIJIL TEMPASAL ELEKTRONIK (E- BORANG D)

1. Untuk memastikan saling kebolehooperasian, Negara Anggota perlu melaksanakan pertukaran Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) selaras dengan Spesifikasi Proses dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesej e-Borang D ATIGA, sebagaimana yang dikemaskini dari semasa ke semasa.
2. Sekiranya suatu Negara Anggota tidak mahu melaksanakan semua proses elektronik dan elemen maklumat yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Spesifikasi Proses dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesej e-Borang D ATIGA, Negara Anggota tersebut harus memberitahu Negara Anggota lain, melalui Sekretariat ASEAN, tentang proses dan elemen maklumat berkaitan yang hendak dilaksanakannya.

PERATURAN 28

PEMERIKSAAN PERMOHONAN SIJIL TEMPASAL ELEKTRONIK (E-BORANG D)

Sebagai ganti kepada Peraturan 6 (a), permohonan untuk Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) perlu diterima secara elektronik, diterima lengkap dan disahkan.

PERATURAN 29

PENGELUARAN SIJIL TEMPASAL ELEKTRONIK (E-BORANG D)

1. Dalam kes-kes tertentu, pengeksport boleh membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Pengeluar, sesuai dengan prosedur Pihak Berkuasa Pengeluar, untuk mengeluarkan kembali Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D), dalam masa satu (1) tahun dari pengeluaran Sijil Tempasal Elektronik asal (e-Borang D).
2. Sebagai tambahan kepada proses elektronik yang dinyatakan dalam Spesifikasi Proses dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesej e-Borang D ATIGA, Perakuan Tempasal Elektronik (e-Borang D) boleh dihantar terus ke pengeksport oleh NSW dari Negara Anggota Pengeluar dan Perakuan Tempasal Elektronik (e-Borang D) boleh dihantar terus kepada pengimport oleh pengeksport atau oleh NSW Negara Anggota pengimport.
3. Dalam kes-kes yang tertentu seperti, tetapi tidak terbatas kepada kegagalan teknikal yang menyebabkan kehilangan data, Negara Anggota penerima boleh meminta penghantaran semula Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) dari Negara Anggota yang menghantar.
4. Perubahan pada Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) perlu dilakukan dengan mengeluarkan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) yang baharu, dan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) sebelumnya perlulah dibatalkan, selaras dengan proses yang ditentukan dalam Spesifikasi Proses dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesej e-Borang D ATIGA.

PERATURAN 30

PENYERAHAN SIJIL TEMPASAL ELEKTRONIK (E-BORANG D)

1. Bagi tujuan menuntut layanan tarif berkeutamaan, pengimport harus mengemukakan pernyataan import yang berisi maklumat mengenai nombor rujukan Perakuan Tempasal Elektronik (e-Borang D), dokumen sokongan sebagai contoh invois (bila diperlukan), Bil Muatan yang dikeluarkan di rantau Negara Anggota pengeksporth dan dokumen lain yang diperlukan kepada pihak berkuasa kastam dari Negara Anggota pengimport semasa import, bersesuaian dengan undang-undang dan peraturan dari Negara Anggota pengimport.
2. Pihak berkuasa kastam di Negara Anggota pengimport boleh menghasilkan Maklum Balas Kastam elektronik yang menunjukkan status penggunaan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) sesuai dengan garis panduan pelaksanaan mesej untuk Maklum Balas Kastam yang ditentukan dalam Spesifikasi Proses e-Borang D ATIGA dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesej. Status penggunaan, jika dihasilkan, akan dihantar secara elektronik melalui ASW kepada Pihak Berkuasa Pengeluar sama ada sejurus selepas import atau dalam tempoh sah Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) tersebut.
3. Sekiranya Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) ditolak oleh pihak berkuasa kastam dari Negara Anggota pengimport, pihak berkuasa kastam dari Negara Anggota pengimport harus:
 - (a) menghasilkan Maklum Balas Kastam elektronik yang menunjukkan status penolakan dengan alasan penolakan termasuk, jika sesuai, alasan penolakan pilihan tarif, selaras dengan Spesifikasi Proses dan Garis Panduan

Pelaksanaan Mesej e-Borang D ATIGA. Maklum balas Kastam elektronik, jika dihasilkan, perlu dikirimkan secara elektronik melalui ASW kepada Pihak Berkuasa Pengeluar di Negara Anggota pengeksporth dalam jangka waktu yang munasabah tidak melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh penerimaan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D); atau

- (b) sekiranya prosedur dalam perenggan 3 (a) tidak tersedia, pihak berkuasa kastam dari Negara Anggota pengimport boleh memberitahu Pihak Berkuasa Pengeluar Negara Anggota pengeksporth secara bertulis tentang alasan penolakan tarif berkeutamaan berserta dengan nombor rujukan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D), dalam jangka masa yang munasabah tidak melebihi enam puluh (60) hari.
4. Jika Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) tidak diterima, seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelumnya, Negara Anggota pengimport harus menerima dan mempertimbangkan penjelasan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Pengeluar dan menilai kembali sama ada permohonan e-Borang D boleh diterima untuk pemberian layanan berkeutamaan. Penerangan yang diberikan harus terperinci dan lengkap dalam menjelaskan alasan penolakan layanan berkeutamaan yang dibangkitkan oleh Negara Anggota pengimport.

PERATURAN 31

MENGARKIB SECARA ELEKTRONIK DAN PENGEKALAN DATA

1. Bagi tujuan proses verifikasi sesuai dengan Peraturan 18 dan 19, pengilang dan/atau pengeksport yang mengajukan permohonan untuk pengeluaran Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D), tertakluk kepada undang-undang dan peraturan dari Negara Anggota pengeksport harus menyimpan rekod sokongan untuk permohonan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) tidak kurang dari tiga (3) tahun dari tarikh Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) dikeluarkan.
2. Permohonan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) dan semua dokumen yang berkaitan dengan permohonan tersebut hendaklah disimpan oleh Pihak Berkuasa Pengeluar selama tidak kurang dari tiga (3) tahun dari tarikh Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) dikeluarkan.
3. Maklumat berkaitan kesahihan Sijil Tempasal Elektronik (e-Borang D) harus diberikan oleh Pihak Berkuasa Pengeluar sekiranya diminta oleh Negara Anggota pengimport.
4. Sebarang maklumat yang disampaikan antara Negara-negara Anggota yang berkenaan harus dianggap sebagai sulit dan hanya akan digunakan bagi tujuan pengesahan Bukti Tempasal.

LAMPIRAN 2

FORMAT CONTOH PENGISYTIHARAN TEMPASAL YANG ASAL

Format ini berfungsi sebagai panduan dan pengeksport yang diperakui bebas menggunakan format lain yang mengandungi maklumat yang diperlukan.

Nama Produk	HS dalam enam digit atau Kod AHTN	Kriteria tempasal	Harga FOB apabila kriteria tempasal Regional Value Content digunakan	Kuantiti barangan	Tanda dagangan, jika berkenaan

Pengeksport produk yang dinyatakan dalam dokumen ini (kod Kebenaran Pengeksport yang Diperakui: 0000/XXXX) mengesahkan, kecuali jika dinyatakan dengan jelas, bahawa produk berkenaan memenuhi Peraturan Tempasal untuk dianggap sebagai barangan tempasal di bawah ATIGA (negara tempasal ASEAN:.....).

Tandatangan yang dibenarkan dicetak/dicop
nama penandatangan

NOTA PENJELASAN::

1. Untuk tujuan asal memberikan kriteria :

(a) Barangan yang diperolehi atau dihasilkan sepenuhnya di Negara Anggota pengeksport yang memenuhi artikel 27 (Diperolehi Sepenuhnya) ATIGA	"WO"
(b) Barangan yang memenuhi Artikel 28 (Tidak Diperolehi Sepenuhnya) ATIGA <ul style="list-style-type: none"> • <i>Regional Value Content</i> • Perubahan Pengelasan Tarif • Proses Khusus • Kriteria Gabungan 	<p>Peraturan <i>Regional Value Content</i>, misalnya "40%"</p> <p>Peraturan CTC yang sebenarnya, contoh "CC" atau "CTH" atau "CTSH"</p> <p>"SP"</p> <p>Kriteria gabungan sebenar, contoh "CTSH+35%"</p>
(c) Barangan yang memenuhi perenggan 2 Artikel 30 (Pengumpulan Sebahagian) ATIGA	<p>"PC x%", di mana x akan menjadi peraturan Kandungan Nilai Wilayah kurang dari 40%, misalnya "PC 25%"</p>

2. Pengeksport yang diperakui bebas untuk memasukkan maklumat tambahan yang difikirkannya perlu.

FORMAT CONTOH PENGISYTIHARAN TEMPASAL BACK-TO-BACK

Format ini berfungsi sebagai panduan dan pengeksport yang diperakui bebas menggunakan format lain yang mengandungi maklumat yang diperlukan.

Nama Produk	HS dalam enam digit atau Kod AHTN	Kriteria tempasal	Negara asal dari Negara pengeksport pertama	Harga FOB apabila kriteria tempasal <i>Regional Value Content</i>	Kuantiti barangan	Tanda dagangan, jika berkenaan	Nombor rujukan Bukti Tempasal yang Asal	Tarikh pengeluaran Bukti Tempasal yang Asal	Kod Kebenaran Pengeksport dari negara pengeksport pertama, jika berkenaan

Pengeksport produk yang dinyatakan dalam dokumen ini (kod Kebenaran Pengeksport yang Diperakui: 0000/XXXX) mengesahkan, kecuali jika dinyatakan dengan jelas, bahawa produk berkenaan memenuhi Peraturan Tempasal untuk dianggap sebagai barangan tempasal di bawah ATIGA (negara tempasal ASEAN:.....).

Tandatangan yang dibenarkan dicetak/dicop
nama penandatangan

NOTA PENJELASAN:

1. Untuk tujuan asal memberikan kriteria:

(a) Barangan yang diperolehi atau dihasilkan sepenuhnya di Negara Anggota pengeksport yang memenuhi artikel 27 (Diperolehi Sepenuhnya) ATGA	"WO"
(b) Barangan yang memenuhi Artikel 28 (Tidak Diperolehi Sepenuhnya) ATGA <ul style="list-style-type: none"> • Regional Value Content • Perubahan Pengelasan Tarif • Proses Khusus • Kriteria Gabungan 	Peratusan Regional Value Content, misalnya "40%" Peraturan CTC yang sebenarnya, contoh "CC" atau "CTH" atau "CTSH" "SP" Kriteria gabungan sebenar, contoh "CTSH+35%"
(c) Barangan yang memenuhi perenggan 2 Artikel 30 (Pengumpulan Sebahagian) ATIGA	"PC x%", di mana x akan menjadi peratusan Kandungan Nilai Wilayah kurang dari 40%, misalnya "PC 25%"

2. Pengeksport yang Diperakui bebas untuk memasukkan maklumat tambahan yang difikirkannya perlu.

“

Penolak Tuntutan: Terjemahan ini disediakan untuk kemudahan sahaja dan dokumen rasmi Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) dalam versi bahasa Inggeris perlu dirujuk jika terdapat sebarang percanggahan ”

